

**Perhimpunan Bersih patut dinamakan `Kotor 3.0`
Utusan Online
28 April, 2012**

KUALA LUMPUR 28 April - Perhimpunan haram yang diadakan di Dataran Merdeka hari ini layak dinamakan sebagai `Kotor 3.0` kerana penganjur dan peserta perhimpunan itu tidak menghormati undang-undang serta kedaulatan negara.

Malah, kata Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim, perhimpunan itu tidak sepatutnya diadakan kerana ia tidak memiliki ciri-ciri positif dan murni.

Menurutnya, terdapat kaedah lain yang lebih baik diambil pihak berkenaan seperti melalui pemuafakatan berbanding melakukan kekecohan di jalanan sehingga menyusahkan masyarakat.

``Penganjur dan peserta perhimpunan ini tidak mengendahkan usaha pemuafakatan yang amat ditekankan dalam masyarakat negara ini maka mereka ini layak dipanggil Kotor 3.0,`` katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-45 Badan Kebajikan dan Kemajuan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di sini hari ini.

Kotor 3.0 katanya, lebih sesuai mewakili kumpulan terbabit yang bersikap hipokrit terutama dalam kalangan pemimpin pembangkang yang menyokong penganjuran perhimpunan tersebut. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0428&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_39.htm